

# LAPORAN TAHUNAN 2007



**Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK)**  
**Kementerian Kerja Raya (KKR)**

**Cetakan Pertama 2008**  
**Kementerian Kerja Raya**

**Penasihat**

Y. Bhg. DatoqDr. Abdul Munit Bin Kasmin  
*Ketua Setiausaha*  
*Kementerian Kerja Raya*

**Penyelaras**

En. Mat Naain Bin Mat Jusoh  
*Setiausaha Bahagian*  
*Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi*  
*Kementerian Kerja Raya*

**Editor**

Pn. Jayaletchumi A/P T. Sambantha Moorthy  
*Pegawai Teknologi Maklumat*  
*Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi*  
*Kementerian Kerja Raya*




























**Ahli-ahli Jawatankuasa**

1. En. Azlin Shah Bin Ihsan
2. Pn. Atikah Binti Yusof
3. Pn. Nor Haizam Binti Che Azhar
4. Pn. Selasih Binti Awang
5. Pn. Shaharmilah Tharsini A/P Baniface
6. En. Tan Chai Lan
7. En. Mohd. Zul Qais Bin Shahabuddin
8. Pn. Raja Azizah Binti Raja Shariffuddin
9. En. Ahmad Tarmizi Bin Idris
10. Cik Nor Zarina Binti Mohd Safian

**Penerbitan**

Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK)  
Tingkat 4, Blok B, Kompleks Kementerian Kerja Raya  
Jalan Sultan Salahuddin  
50580 Kuala Lumpur, Malaysia

# KANDUNGAN

	Perutusan Ketua Setiausaha	4
	Perutusan Setiausaha Bahagian	5
	Perspektif Bahagian	7
	Visi	8
	Misi	9
	Objektif	10
	Fungsi	11
	Piagam Pelanggan	12
	Carta Organisasi	13
	Pencapaian dan Aktiviti Tahunan	17
	Aktiviti Operasi	18
	Perlaksanaan Sistem Kerajaan Elektronik	22
	Sistem Maklumat Geografi GIS@Works	26
	Executive Information System (EIS)	32
	Portal KKR	33
	Sistem Pengurusan Aset Berkomputer (SPAB)	38
	Multimedia	40
	Latihan/Kursus	42
	Program Fikir	44
	Hari Keluarga	46
	Perjawatan dan Pengiktirafan	49
	Kakitangan BTMK 2007	50
	Maklumat Kakitangan	52
	Pegawai-Pegawai Yang Ditukarkan/Lantikan Baru ke BTMK	53
	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2006 & 2007	53
	Anugerah Inovasi 2007	54
	Penghargaan	55

# PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Syukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya satu lagi penerbitan di bawah organisasi Kementerian Kerja Raya berjaya dihasilkan. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua warga Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK) di atas penghasilan Laporan Tahunan 2007, sebuah laporan yang padat dan sarat dengan informasi.

Penghasilan buku laporan tahunan ini membuktikan kesungguhan BTMK untuk berkongsi dengan semua Warga Kerja Raya mengenai pencapaian dan aktiviti-aktiviti yang telah berjaya dilakukan oleh BTMK khususnya sepanjang tahun 2007.

BTMK dilihat sebagai pemangkin dalam usaha meningkatkan tahap penggunaan ICT di kalangan pegawai dan kakitangan KKR disamping memperkenalkan teknologi ICT yang canggih dan terkini. Selaras dengan hasrat Kementerian untuk sentiasa menjadi yang terbaik, BTMK memainkan peranan terpenting dalam menyediakan sistem sokongan kepada fungsi-fungsi utama KKR khususnya dalam pengurusan ICT. Dalam konteks ini, BTMK turut menyediakan pelbagai kursus untuk memberi peluang latihan kepada semua Warga Kerja Raya sebagai usaha melahirkan tenaga manusia yang mahir, sesuai dengan kehendak pasaran dan mampu bersaing dalam suasana per sekitaran yang berteraskan ICT.

Pada keseluruhannya, BTMK telah berjaya melaksanakan aktiviti yang dirancang dengan baik serta mencapai sasaran yang ditetapkan. Dalam memastikan pencapaian positif ini berkekalan dan terus meningkat, sokongan dan komitmen semua pihak amatlah diperlukan. Warga BTMK, khususnya perlu menjana tenaga dengan segala sumber yang ada untuk digembelngkan bagi memenuhi visi, misi serta objektif BTMK dan Kementerian secara amnya.

Akhir kata, saya berharap agar warga BTMK terus meningkatkan prestasi dan mutu kerja supaya lebih cemerlang, gemilang dan terbilang pada tahun-tahun yang akan datang.

Selamat maju jaya!



**Y. BHG. DATO' DR.ABDUL MUNIT BIN KASMIN**  
**Ketua Setiausaha**  
**Kementerian Kerja Raya**

# PERUTUSAN SETIAUSAHA BAHAGIAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Alhamdulillah segala puji bagi Allah di atas IzinNya sekali lagi Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK) telah berjaya mengeluarkan Laporan Tahunan bagi tahun 2007. Melalui laporan ini segala kejayaan dan aktiviti yang dijalankan oleh BTMK dapat disampaikan untuk tatapan semua warga Kementerian Kerja Raya (KKR) dan masyarakat umum amnya.

Sebagai satu bahagian yang turut menyumbang kepada pembangunan kemajuan infrastruktur Negara, BTMK sentiasa berusaha menjanakan banyak projek-projek berasaskan ICT demi untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan dalam KKR. Beberapa aplikasi sistem secara *online* telah dan sedang dibangunkan untuk membantu KKR mempertingkatkan penyampaian sistem perkhidmatan kepada orang ramai. Capaian kepada sistem *online* boleh dibuat melalui PORTAL KKR yang merupakan pintu masuk utama kepada semua aplikasi.

Kejayaan BTMK sepanjang tahun 2007 adalah menjadi kayu pengukur kepada kemajuan seterusnya. Pembangunan Portal KKR, pengwujudan GIS@Works dan pelaksanaan EIS merupakan tiga komponen kejayaan yang membanggakan BTMK. Usaha yang gigih di kalangan semua warga BTMK telah membuktikan kejayaan ini dan seterusnya kecemerlangan di masa hadapan. BTMK telah komited untuk melaksanakan berbagai program baru disepanjang tahun 2008 hingga 2010 dan akan sentiasa berinovatif dan peka kepada perkembangan teknologi global masa kini supaya dapat diterapkan ke dalam pengurusan KKR.

Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat dalam memberi sumbangan sehingga berjaya menghasilkan laporan ini.

Sekian , terima kasih

**EN. MAT NAAIN BIN MAT JUSOH**  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi  
(BTMK)





# PERSPEKTIF BAHAGIAN



- Visi
- Misi
- Objektif
- Fungsi
- Piagam Pelanggan
- Carta Organisasi



# VISI

Menyokong Kementerian Kerja Raya ke arah menjadi sebuah organisasi terbilang melalui pelaksanaan program Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

# MISI

- ◆ Menyediakan infrastruktur ICT yang lengkap dan mantap.
- ◆ Mengautomasikan proses kerja yang bersesuaian bagi meningkatkan produktiviti dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan.
- ◆ Membudayakan penggunaan ICT di kalangan warga Kementerian.

# OBJEKTIF

- ◆ Memastikan program ICT Kementerian dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan kehendak *stakeholders*.
- ◆ Menyediakan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada orang awam melalui Portal Kementerian Kerja Raya secara meluas.
- ◆ Meningkatkan pengetahuan ICT di kalangan warga Kementerian Kerja Raya.

# FUNGSI

- ◆ Pembangunan dan Pelaksanaan Sistem Maklumat
- ◆ Pembangunan dan Pelaksanaan Portal
- ◆ Operasi dan Keselamatan Rangkaian
- ◆ Pengurusan pengkalan data *Geographical Information System (GIS)* dan membantu Bahagian/Agensi tertentu membangunkan Program GIS masing-masing
- ◆ Pembangunan sistem komunikasi KKR

# PIAGAM PELANGGAN

1. Memberi maklumbalas kepada setiap aduan berkaitan ICT yang diterima dalam tempoh satu(1) hari bekerja dan menyelesaikan aduan tersebut dalam tempoh dua(2) hari bekerja.
2. Mengurus perolehan bagi permohonan keperluan ICT dalam tempoh tiga(3) bulan dari tarikh kelulusan pengurusan Jawatan Kuasa Pemandu ICT.
3. Membangunkan sistem aplikasi secara *In-house* dalam tempoh tiga(3) bulan dan pembangunan secara *out-sourcing* dalam tempoh enam(6) bulan.
4. Memastikan tahap capaian bagi perkhidmatan ICT beroperasi dengan baik sekurang-kurangnya 95% setahun.
5. Memastikan kerja-kerja penyenggaraan pencegahan dapat dilaksanakan sebanyak dua (2) kali setahun .

# CARTA ORGANISASI



Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Kementerian Kerja Raya diketuai oleh Setiausaha Bahagian dan dibahagikan kepada 2 Seksyen iaitu,




Seksyen Sokongan Teknikal dan Keselamatan ICT



Seksyen Perancangan dan Pembangunan

Carta organisasi yang dilampirkan adalah berdasarkan kedudukan pegawai-pegawai pada tahun 2007. BTMK kini dalam proses penstrukturan semula kedudukan pegawai-pegawainya.

# CARTA ORGANISASI KEDUDUKAN BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT



# ORGANISASI PEGAWAI DAN KAKITANGAN UNIT TEKNIK DAN KOMUNIKASI (BTMK)

SUB	- SETIAUSAHA BAHAGIAN
KPSU	- KETUA PENOLONG SETIAUSAHA
PTM	- PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT
PPTM	- PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT
JTK	- JURUTEKNIK KOMPUTER
PT	- PEMBANTU TADBIR
PT (KES)	- PEMBANTU TADBIR (KES)
OMPD	- OPERATOR MESIN PROSES DATA
PAP	- PEMBANTU AM PEJABAT
<input type="checkbox"/>	- KEDUDUKAN PEGAWAI

**SETIAUSAHA BAHAGIAN  
BTMK**

**BIN MAT JUSOH**

**PT (KES)**  
**AZURIN BT MALEK**

**UNIT TEKNIK DAN  
KOMUNIKASI**

**(TM)2  
(AH B IHSAN)**

**SEKSYEN PENTADBIRAN  
DAN  
KEWANGAN**

**UNIT  
KESELAMATAN DAN  
RANGKAIAN**

**PSU (TM)1  
(NOR HAIZAM BT  
CHE AZHAR)**

**UNIT GIS**

**PSU (TM)6  
(JAYALETCHUMI A/P  
TS MOORTHY)**

**PPTM 3  
(AHMAD TARMIZI B  
IDRIS)**

**PT 1  
(DULLAH)**

**PT 1  
(NOR ILYANA BT MIOR  
SHAMSUDDIN)**

**PT 2  
(HALIPAH BT ABD  
HAMID)**

**JTK 2  
(NOR ZIHAN BT  
HARUN)**

**JTK 3  
(MUHAMAD AZIZUL B  
MUHAMAD RANI)**

**JTK 4  
(ZUL AIZAT B  
TARMIZI)**

**PAP  
(IBRAHIM B  
MOHAMMAD NASIB)**



# PENCAPAIAN DAN AKTIVITI TAHUNAN



- ◆ Aktiviti Operasi
- ◆ Pelaksanaan Sistem Kerajaan Elektronik
- ◆ Sistem Maklumat Geografi GIS@Works
- ◆ Executive Information System (EIS)
- ◆ Portal KKR
- ◆ Sistem Pengurusan Aset Berkomputer (SPAB)
- ◆ Multimedia
- ◆ Latihan/kursus
- ◆ Program Fikir
- ◆ Hari Keluarga

## Aktiviti Operasi

Rangkaian komunikasi melalui talian litar suwa (TIME) yang dibangunkan pada bulan April 2006 telah ditingkatkan kelajuan jalur lebarnya (*bandwidth*) dari 4 Mbps ke 5 Mbps untuk mempercepatkan perkhidmatan Internet, capaian sistem aplikasi dan lain-lain perkhidmatan rangkaian kepada pengguna di semua bahagian di KKR. Peningkatan kelajuan ini adalah berikutan terteranya perjanjian pembekalan perkhidmatan jalur lebar Internet KKR dengan TIME dotCom Berhad pada 1 April 2007. Perjanjian ini membolehkan pembekalan perkhidmatan bermula dari 1 April 2007 ke 31 Mac 2010 dengan kos sebanyak RM126, 000 setahun. Kelulusan diperoleh dari Perbendaharaan untuk selama 3 tahun dengan kos RM 378, 000. Untuk tujuan menguruskan jalur lebar talian suwa ini, perisian *PacketSharper* telah digunakan. Pengurusan rangkaian dan internet mematuhi keperluan MS-ISO 9001-2000 dimana kebanyakan gangguan dapat diatasi dalam masa kurang 2 jam dan *system uptime* melebihi tahap 95%.

Selain daripada pengurusan rangkaian, semakan inventori perkakasan komputer (komputer peribadi dan pencetak) yang dilaksanakan dari bulan Oktober 2007 hingga bulan Disember 2007 dapat dicapai pada kadar 95%.

Sepanjang tahun 2007 juga, BTMK telah menjalankan pemantauan keselamatan ICT yang merangkumi pemantauan penggunaan rangkaian dan pengoptimuman penggunaan rangkaian KKR. Melalui pemantauan ini didapati KKR tidak mengalami sebarang insiden keselamatan IT yang serius.

Penyenggaraan kemudahan ICT (perkakasan dan perisian) telah dilaksanakan sebanyak 2 kali mengikut jadual dari bulan Januari ke Disember 2007 bagi memastikan prestasi komputer dan perisian berada dalam keadaan baik. Penyenggaraan pencegahan yang dilakukan mematuhi keperluan MS-ISO 9001:2000. Pada 1 Ogos 2007 pula, satu perjanjian dengan Celestra Network Communications Sdn Bhd telah ditandatangani untuk penyelenggaraan perkakasan rangkaian dan server KKR sehingga 31 Julai 2008 dengan kos sebanyak RM195, 000.




## Rumusan Aktiviti Operasi 2007

Bulan	Pencapaian	Penerangan
Jan . Dis	Menjalankan operasi Pusat Data tanpa sebarang insiden keselamatan ICT.	BTMK mendapat khidmat nasihat ( <i>advisory</i> ) dari GCERT MAMPU dan MyCert (CyberSecurity Malaysia).
Jan . Dis	Pemantauan keselamatan ICT dijalankan sepanjang tahun tanpa sebarang insiden keselamatan IT yang serius.	Pemantauan ini membolehkan BTMK memantau penggunaan rangkaian dan seterusnya dapat mengoptimumkan penggunaan rangkaian KKR.
Jan . Dis	Penyenggaraan kemudahan ICT dilakukan mengikut jadual.	Penyenggaraan pencegahan mematuhi keperluan MS-ISO 9001:2000 iaitu sebanyak 2 kali setahun.
Jan . Dis	Khidmat Pelanggan dicapai pada kadar hampir 100%.	Aduan pelanggan dapat diselesaikan hampir 100%.
Jan . Dis	Pengurusan Rangkaian/Internet mematuhi keperluan MS-ISO 9001:2000.	Kebanyakan gangguan dapat diatasi dalam masa kurang 2 jam dan <i>system uptime</i> melebihi tahap 95%.
April	Perjanjian pembekalan perkhidmatan jalur lebar Internet KKR dengan TIME dotCom Berhad ditandatangani pada 1 Apr 2007.	Perjanjian adalah untuk pembekalan perkhidmatan bermula dari 1 April 2007 hingga 31 Mac 2010 dengan kos sebanyak kadar RM126,00 setahun. Kelulusan diperoleh dari Perbendaharaan untuk selama 3 tahun dengan kos RM378,000.  Kadar kelajuan juga dipertingkatkan dari 4 Mbps ke <b>5 Mbps</b> .
Ogos	Perjanjian dengan Celestra Network Communications Sdn Bhd untuk penyelenggaraan perkakasan rangkaian dan server KKR ditandatangani pada 01/08/2007.	Perjanjian adalah untuk perkhidmatan penyelenggaraan bermula 01 Ogos 2007 hingga 31 Julai 2008 dengan kos sebanyak RM195,000.
Okt	Kajian Penubuhan CERT ( <i>Computer Emergency Response Team</i> ) KKR selesai dilaksanakan dengan kerjasama GCERT MAMPU.	Cadangan penubuhan CERT KKR dibentangkan dalam Mesyuarat JPICT KKR pada 21/01/2008 sebelum dimaklumkan kepada GCERT MAMPU.
Okt . Dis	Semakan inventori perkakasan komputer iaitu komputer peribadi dan pencetak dapat dicapai pada kadar 95%.	
Nov	Peningkatan perisian e-mel kepada <i>Zimbra Collaboration suite</i> .	Pelaksanaan secara menyeluruh dilakukan pada suku pertama tahun 2008.
Nov	Cadangan perolehan komputer dan perisian bagi kegunaan bahagian-bahagian KKR diluluskan oleh JTICT MAMPU.	Cadangan perolehan dilakukan secara tender terbuka dan tawaran dibuka pada Feb 2008.

# Taklimat Kesedaran dan Penggunaan E-Mel KKR



# Taklimat Pengurusan Pusat Data



# Pelaksanaan Sistem Kerajaan Elektronik

BTMK terlibat secara umumnya dalam melaksanakan sistem-sistem di bawah projek Kerajaan Elektronik di Kementerian Kerja Raya.

Di antara sistem-sistem yang terlibat adalah :

1. Sistem Pengurusan Kewangan Berkomputer Elektronik (e-SPKB)
2. ePerolehan
3. Sistem Pemantauan Projek (SPPII)
4. Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS)

Infrastruktur dan perisian aplikasi adalah dua perkara yang perlu diambil kira bagi memastikan setiap projek kerajaan elektronik berjaya dilaksanakan. BTMK pula bekerjasama dengan pihak yang terlibat sekiranya timbul sebarang masalah di antara pengguna dan sistem tersebut.

Jadual dibawah menunjukkan senarai sistem mengikut tanggungjawab Bahagian di Kementerian Kerja Raya, Kementerian (*Owner of the system*) dan Pembekal (*Developer*) bagi pelaksanaan sistem-sistem tersebut.

Sistem	Bahagian	Kementerian	Pembekal
e-SPKB	Akaun	Akauntan Negara	Sybase
ePerolehan	Kewangan	Perbendaharaan	Commerce Dot-Com Sdn Bhd
SPP II	Pembangunan	ICU, JPM	
HRMIS	Pengurusan Sumber Manusia	Jabatan Perkhidmatan Awam	

Rangkaian	Kementerian	Pembekal
EG*Net	MAMPU	GITN Sdn Bhd



# Pelaksanaan Sistem Kerajaan Elektronik

Kesemua sistem perlu menggunakan talian GITN iaitu *secure line* melainkan e-Perolehan boleh dicapai melalui talian internet.

Pihak BTMK telah mengadakan mesyuarat sebanyak 2 kali pada tahun 2007 dengan semua pihak yang terlibat. Agenda mesyuarat ini adalah untuk mengetahui prestasi bagi setiap sistem dan permasalahan yang di hadapi oleh pengguna.

## **Sistem ePerolehan**

Bahagian Kewangan telah mewujudkan satu pasukan petugas yang terdiri daripada pegawai-pegawai Bahagian Kewangan, BTMK (KKR), Unit Teknologi Maklumat (JKR) dan CDC bagi membolehkan setiap PTJ Negeri di bawah Kementerian menggunakan sistem ePerolehan.

Lawatan ke setiap PTJ dibuat untuk membuat kajian dan pemerhatian mengenai sebab-sebab PTJ tidak menggunakan sistem ePerolehan. Di antara sebab yang telah dikenalpasti ialah:

1. Ketiadaan komputer
2. Ketiadaan talian internet di pejabat STOR iaitu peminta dalam sistem
3. Belum menghadiri latihan
4. Maklumat pegawai belum dikemaskini

Merujuk kepada permasalahan di atas, pihak BTMK dan JKR telah mengeluarkan satu sebut harga bagi perolehan komputer untuk membekalkan 2 unit komputer dan 1 unit pencetak ke setiap PTJ yang terlibat.

## **Sistem SPPII**

Sistem digunakan sepenuhnya tanpa sebarang masalah

## **Sistem e-SPKB**

Sistem berjalan dengan lancar di setiap PTJ di bawah Kementerian.



# Pelaksanaan Sistem Kerajaan Elektronik

## **Sistem HRMIS**

Status pelaksanaan HRMIS di Kementerian Kerja Raya masih di tahap kedua iaitu modul data perjawatan.

BTMK telah melaksanakan bengkel HRMIS untuk Modul Pengurusan Rekod Peribadi bagi pegawai yang bertanggungjawab menguruskan HRMIS di Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya dan agensi . Antara bahagian/cawangan yang terli bat ialah:

- ◆ Bahagian Teknologi Maklumat - KKR (21 Sept 2007)
- ◆ Lembaga Lebuh Raya Malaysia - Agensi (29 Okt - 2 Nov 2007)
- ◆ Cawangan Alam Sekitar - JKR (7 - 9 Nov 2007)
- ◆ Cawangan Pengkalan Udara dan Maritim - JKR (12 - 16 Nov 2007)

# Taklimat e-Perolehan





# Sistem Maklumat Geografi GIS@WORKS

Kajian pelaksanaan sistem maklumat geografi (GIS) telah diasaskan berdasarkan pengalaman dan menyedari keperluan GIS di Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR), KKR memang ingin melihat GIS menjadi satu sistem yang dapat membantu pihak pengurusan, pegawai, jurutera dan pengguna KKR di dalam menjalankan tugas harian dan pihak pengurusan KKR dalam membuat keputusan. Oleh itu, satu perbincangan awal telah diadakan pada 7hb Julai 2006 dan satu jawatankuasa telah dibentuk untuk melaksanakan GIS dan pembangunan apli kasi berasaskan GIS.

## **PENGENALAN**

Matlamat pelaksanaan GIS@Works ini adalah untuk memudahkan pegawai dan jurutera di KKR menjalankan tugas harian. Memandangkan fungsi dan peranan KKR adalah untuk membangunkan infrastruktur negara seperti sistem rangkaian jalan dan bangunan maka GIS adalah amat membantu bagi memenuhi fungsi dan peranan tersebut. Setiap data dan maklumat GIS akan mengandungi ringkasan statistik dan lokasi kawasan gunatanah, infrastruktur sediaada, sosio-ekonomi, cadangan kawasan pembangunan, kependudukan, pilihanraya, sistem rangkaian jalan dan yang berkaitan dengan KKR. Semua data dan maklumat GIS ini akan membenarkan peta lokasi, pelan, imej dan maklumat dipaparkan pada satu paparan untuk dibuat kajian bagi membantu pihak KKR membuat keputusan.

## **KELEBIHAN**

Penyimpanan data geospasial yang cekap dan dalam format yang sesuai memudahkan pengemaskinian dan penilaian. Terdapat banyak kelebihan dalam semua maklumat sediaada dan maklumat yang telah dianalisis. Data yang telah diperolehi boleh di analisis dan di paparkan semula maklumat yang ada boleh dikongsi bersama serta meningkatkan keputusan-keputusan dalam pengurusan dan perancangan.



# Sistem Maklumat Geografi GIS@WORKS


## OBJEKTIF

Perlaksanaan GIS dalam satu organisasi yang besar seperti KKR, perkara yang perlu dipertimbangkan adalah persekitaran organisasi tersebut dan cara pelaksanaan pembangunan pangkalan data GIS. Objektif kajian pelaksanaan GIS@Works adalah seperti berikut :-

- i. Memperkenalkan GIS pada setiap peringkat proses kerja yang terlibat dalam kajian pelaksanaan GIS@Works ini.
- ii. Mengenalpasti jenis maklumat yang dibentuk, proses, selenggara dan digunakan oleh agensi, bahagian, cawangan dan pengguna KKR.
- iii. Mengenalpasti, mengabung dan mengintegrasikan data dan maklumat GIS yang digunakan pada setiap agensi, bahagian, cawangan dan pengguna KKR.
- iv. Mengenalpasti dan mengumpul semua sumber data dan maklumat GIS dari agensi, bahagian, cawangan dan pengguna KKR untuk diautonomi data dan diselaraskan dari segi kod & simbol piawai, sistem kordinat, *projection* peta, *themes*, lapisan GIS dan pengkalan-pengkalan data yang berkaitan.
- v. Untuk menyediakan satu pangkalan data GIS KKR yang mampu mengintegrasikan dan menghasilkan maklumat, analisa dan laporan yang sistematik, tepat dan terkini.
- vi. Perkongsian pintar ke atas maklumat dan data GIS yang berada dalam seliaan GIS@Works.
- vii. Menggunakan maklumat dan data GIS di bawah seliaan GIS@Works untuk maksud membangunkan aplikasi yang dapat membantu pihak pengurusan, jurutera, pegawai dan pengguna KKR.

# Sistem Maklumat Geografi GIS@WORKS

## FASA PELAKSANAAN





# Sistem Maklumat Geografi GIS@WORKS

Berikut adalah senarai aktiviti-aktiviti yang siap dilaksanakan:

## **i. Penubuhan Pangkalan Data GIS@Works (*GIS@Works Data Base*)**

Struktur Pangkalan Data GIS@Works adalah terdiri daripada beberapa lapisan data (*data layer*) yang berlainan maklumat. Lapisan-lapisan tersebut adalah:

- a. Pentadbiran (Negeri, Daerah, Mukim dan Bandar/Pekan)
- b. Rangkaian Jalanraya (Jalan Persekutuan, Lebuhraya, Jalan Negeri dan lain-lain Rangkaian Pengangkutan)
- c. Projek-projek Pembangunan Kementerian Kerja Raya
- d. Lot tanah (Tanah Rizab Persekutuan Kementerian Kerja Raya dan Gunatanah)
- e. Imej Satelit (SPOT 2.5m dan Quickbird 0.6m)

## **ii. Pelan Gunatanah (*Landuse Map*) seluruh Malaysia**

GIS@Works mempunyai Pelan Gunatanah yang lengkap dan terkini bagi seluruh Malaysia. Pelan ini mengandungi semua lot-lot tanah dengan *coordinates X/Y* yang menunjukkan lokasi sebenar setiap lot tanah. Pelan ini boleh digunakan untuk membuat perancangan perolehan tanah dan juga perancangan pembinaan serta pelebaran jalan-jalan.

## **iii. Pewartaan rizab Jalan-Jalan Persekutuan**

Pangkalan data GIS@Works telah membantu Kementerian Kerja Raya dalam menghasilkan rizab jalan dan jajaran laluan jalan persekutuan bagi tujuan pewartaan. No laluan FT5 dan FT3 sudah siap dicetak untuk kerja-kerja permohonan pewartaan.

## **iv. Lokasi tanah-tanah rizab persekutuan Kementerian Kerja Raya**

Kerja-kerja bagi mengenalpasti lokasi dan meletakkan papan tanda serta mengambil gambar lokasi telah dilakukan dengan menggunakan pangkalan data GIS@Works sebagai panduan. Kerja mengenalpasti lokasi tanah rizab persekutuan telah dilakukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor. Semua maklumat dan data lokasi telah di kemaskini pada pangkalan data GIS@Works.



# Sistem Maklumat Geografi GIS@WORKS

## **v. Projek-projek Pembangunan Kementerian Kerja Raya.**

Semua maklumat dan data projek-projek pembangunan yang telah siap dan projek RMK 9 di Semenanjung Malaysia telah dikemaskinikan dalam pangkalan data GIS@Works. Hanya maklumat asas projek dan data lokasi dalam bentuk GIS yang telah siap dikemaskini.

## **vi. Pemantauan Projek melalui aplikasi GIS@Works**

Aplikasi GIS@Works telah siap bagi tujuan memantau projek pembangunan Kementerian Kerja Raya dan melibatkan pihak pengurusan tertinggi, pegawai dan jurutera Kementerian. Maklumat dan data GIS@Works yang sedia ada dan terkini akan digunakan oleh aplikasi GIS@Works bagi membantu Kementerian dalam memantau projek-projek pembangunan Kementerian.

## **vii. Manual GIS@Works Kementerian Kerja Raya**


Manual ini telah diterbitkan dan diedarkan kepada semua bahagian/cawangan di Kementerian Kerja Raya sebagai rujukan kepada pengguna-pengguna GIS@Works. Manual ini akan diterbitkan dari masa ke semasa bersesuaian dengan perkembangan dan kemajuan GIS@Works KKR.

## **viii. Kursus pengenalan dan penggunaan GIS kepada pegawai/jurutera KKR, agensi dan syarikat konsesi.**

## **x. Program Penyediaan GIS KKR**

Projek Perintis GIS Kementerian Kerja Raya yang akan dilaksanakan bagi tujuan penyelarasan dan pengemaskinian maklumat dan data GIS kepada pangkalan data GIS@Works. Projek ini telah dilaksanakan di Negeri Sembilan dengan perolehan satu unit server, 2 unit *workstation*, 1 unit PC, 1 unit pencetak warna laser, struktur rangkaian komputer dan sambungan internet bagi tujuan penyelarasan dan pengemaskinian pangkalan data GIS@Works.

# Kursus GIS



## Sistem Maklumat Eksekutif (EIS)

**Sistem Maklumat Eksekutif (EIS)** adalah sistem yang menyediakan akses kepada maklumat yang diperlukan oleh pengguna yang terdiri daripada pelbagai sistem yang sedia ada. EIS merupakan sebuah aplikasi web berasaskan fungsi GIS. Maklumat yang dikehendaki akan diperoleh melalui pemrosesan *raw* data dan penggabungan data daripada sistem yang sedia ada. Kesemua data yang telah diproses akan disimpan di dalam sebuah gudang data tersendiri. Maklumat- maklumat yang dikehendaki dapat dicapai dengan mudah dengan menggunakan satu antara muka sahaja. Oleh kerana maklumat disimpan dalam satu tempat, maka maklumat yang diperolehi adalah yang terkini dan lengkap.

Aliran sistem yang dibangunkan terbahagi kepada tiga fasa. Fasa pertama sistem melibatkan kerja-kerja pengumpulan data iaitu *data spatial* (GIS), AutoCAD dan juga imej-imej yang telah *digotaggedkan*. Dalam fasa kedua data akan diproses dalam format yang diperlukan dan disimpan dalam pangkalan data. Manakala data yang diperolehi dari sistem aplikasi sedia ada dikumpul, diproses dan diintegrasikan. Data yang terpilih akan disimpan dalam satu gudang data. Fasa terakhir merupakan pembangunan antaramuka GIS berasaskan web yang berperanan sebagai skrin paparan bagi memaparkan maklumat yang diperlukan.

EIS/GIS mengandungi empat modul utama iaitu:

- Maklumat Pembangunan Projek
- Sistem Tinjauan Pembangunan Projek
- *Road Accident Management System*
- *Road Traffic Volume Management System*

Maklumat yang disalurkan terdiri dari maklumat status projek, lokasi, imej photo, video dan juga statistik atau laporan yang diperlukan.

The logo for the Portal KKR (Ministry of Labour Portal) features a stylized 'K' composed of several squares in shades of purple and grey, positioned to the left of the text 'Portal KKR' which is written in a bold, yellow, serif font on a dark purple rectangular background.

## Portal KKR

Portal Kementerian Kerja Raya telah dilancar secara rasminya oleh Menteri Kerja Raya pada 5hb. April 2007 bagi menrealisasikan hasrat kementerian untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan. Portal yang boleh diakses pada url <http://www.kkr.gov.my> merupakan pendekatan di mana orang ramai boleh mengakses maklumat, perkhidmatan dan berkongsi pengetahuan dari sumber dalaman dan luaran melalui satu pintu capaian. Bagi memudahkan orang ramai, portal ini disediakan dalam dua versi iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Portal ini terbahagi kepada dua (2) jenis portal iaitu Portal Internet untuk capaian orang awam dan Portal Intranet untuk capaian warga kementerian.

### Portal Internet

Portal Internet mengandungi maklumat profil kementerian seperti sejarah, visi, misi, objektif, fungsi, dasar korporat, moto, piagam pelanggan, carta organisasi, peta lokasi dan direktori warga Kementerian. Antara perkhidmatan yang terdapat dalam portal ini adalah pengumuman, berita, kalender, notis tender, akta, iklan jawatan kosong, penerbitan, projek, galeri multimedia, proses kerja, muat turun borang, buku pelawat dan enjin gelintar (*search engine*). Selain dari itu, terdapat juga perkhidmatan *online* yang disediakan dalam portal ini iaitu e-Aduan, e-Maklum, e-Pengambilan, e-Undian dan e-Forum.

Melalui e-Aduan, orang ramai boleh membuat aduan dengan lebih mudah dan cepat tanpa mengira masa dan tempat. Status mengenai aduan yang telah dibuat aduan juga boleh diperolehi secara *online*.

e-Maklum pula merupakan satu ruangan yang membolehkan orang ramai mengemukakan maklum balas, cadangan, pandangan dan komen mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Kerja Raya.



## Portal KKR

Portal ini juga menyediakan ruangan komuniti maya untuk perbincangan secara interaktif yang dinamakan sebagai e-Forum yang membolehkan orang ramai memberikan respons, cadangan dan komen dan sebagainya ke atas topik-topik semasa yang berkaitan dengan kementerian ini.

Ruangan e-Undian pula membolehkan kementerian mendapatkan maklum balas mengenai sesuatu isu/topik semasa,

Antara perkhidmatan *online* terkini yang dikhususkan kepada orang ramai ialah e-Pengambilan. Orang ramai boleh membuat permohonan kerja bagi Jawatan Sokongan di bawah bidang kuasa KKR secara *online*. Pemohon boleh mendapatkan status permohonan, senarai calon temuduga serta senarai calon berjaya melalui perkhidmatan ini.

### Portal Intranet

Portal Intranet adalah dikhasakan kepada warga kementerian dimana pelbagai kemudahan perkhidmatan disediakan dengan menggunakan teknologi Internet. Portal ini merupakan satu laluan masuk untuk mencapai semua sistem aplikasi dengan hanya memasukkan nama pengguna dan kata laluan sekali sahaja (*single sign on*).

Antara aplikasi yang terdapat di portal ini adalah seperti berikut:

- ◆ **e-Mesyuarat**

Merupakan satu sistem aliran kerja (*workflow system*) untuk menguruskan mesyuarat secara elektronik. Maklumat mesyuarat yang dirancang dipadankan dengan jadual harian semua ahli mesyuarat. Mereka boleh menyemak tarikh dan waktu mesyuarat yang dicadangkan. Senarai kehadiran mesyuarat akan dijana dari sistem ini.



## Portal KKR

- ◆ **e-Cuti**

Merupakan satu sistem aliran kerja (*workflow system*) untuk menguruskan cuti warga kementerian seperti memohon, menyokong dan meluluskan cuti. Sistem akan menjana baki cuti berdasarkan kelayakan cuti tahunan pekerja. Kelayakan cuti untuk di bawa ke tahun hadapan juga antara kemudahan yang di sedikan oleh sistem ini.

- ◆ **e-Aduan**

Merupakan satu sistem aliran kerja (*workflow system*) yang dikhususkan untuk Pegawai Perhubungan Awam KKR dan juga pegawai-pegawai yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan aduan yang diterima oleh pelanggan serta warga kementerian. Laporan aduan mengikut kategori aduan dan status tindakan serta nama pegawai yang bertanggungjawab akan di jana.

- ◆ **Sistem Pengambilan Jawatan Rendah (KKR)**

Merupakan satu sistem aliran kerja (*workflow system*) untuk menguruskan permohonan jawatan yang diterima secara atas talian atau manual seperti urusan penyemakan kelulusan calon, pemilihan calon temuduga dan calon yang lulus dalam temuduga.

- ◆ **Sistem Pengurusan Dokumen (*Document Management System*)**

Merupakan satu sistem untuk mengkategorikan dan menyimpan dokumen yang boleh dikongsi bersama di kalangan warga kementerian. Pengguna boleh mencapai dokumen yang telah disimpan dengan membuat carian mengikut katakunci yang dimasukkan.

- ◆ **Sistem Surat Keluar Masuk**

Merupakan satu sistem aliran kerja (*workflow system*) untuk menguruskan surat masuk dan surat keluar bagi sesebuah bahagian/cawangan/unit.

- ◆ **Jadual Harian (Perseorangan)**

Merupakan satu jadual perancangan persendirian yang diintegrasikan dengan E-Meeting.

# Bengkel Portal



# Bengkel Portal



# Sistem Pengurusan Aset Berkomputer (SPAB)

Sistem Pengurusan Aset Berkomputer (SPAB) Kementerian Kerja Raya telah berjaya dilaksanakan di semua 12 bahagian/ cawangan/ unit di Kementerian Kerja Raya dan 16 cawangan di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya semenjak tahun 2006. Pada awal tahun 2007, SPAB mengalami beberapa pengemaskinian dan penambahbaikan berikutan berkuatkuasanya Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan, pada 2 Mac 2007.

Pekeliling berkenaan bertujuan untuk memperkemas dan memantapkan peraturan Pengurusan Aset Alih Kerajaan. Ia menggariskan semula definisi harta modal dan inventori dalam konteks aset alih Kerajaan. Ia turut memperkenalkan borang-borang baru (KEW.PA-2, KEW.PA-3 dan lain-lain) bagi menggantikan borang lama seperti KEW312 dan KEW313 dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991. Ia juga menggariskan beberapa peraturan berkaitan penggunaan sistem komputer untuk pengurusan aset alih Kerajaan.

Selaras dengan penguatkuasaan Pekeliling ini, pelaksanaan SPAB ditangguhkan mulai Mei 2007 bagi memungkinkan pengemaskinian dan penambahbaikan sistem untuk mematuhi peraturan-peraturan baru yang telah diperkenalkan. Hampir semua modul sedia ada dalam SPAB dikemaskini dan ditambahbaik mengikut keperluan borang-borang baru seperti:

- Daftar harta modal . borang KEW.PA-2;
- Daftar inventori . borang KEW.PA-3;
- Daftar pergerakan harta modal dan inventori . borang KEW.PA-6;
- Daftar pemeriksaan harta modal . borang KEW.PA-10;
- Daftar pemeriksaan inventori . borang KEW.PA-11; dan
- ♦ Daftar penyelenggaraan harta modal . borang KEW.PA-14.

## Sistem Pengurusan Aset Berkomputer (SPAB)

Selain itu, beberapa modul tambahan turut dimasukkan ke dalam SPAB bagi mematuhi keperluan beberapa borang baru yang telah diperkenalkan dalam Pekeliling baru ini seperti:

- Senarai daftar harta modal . borang KEW.PA-4;
- Senarai daftar inventori . borang KEW.PA-5;
- Senarai Aset Alih Kerajaan . borang KEW.PA-7; dan lain-lain.

Pengemaskinian dan penambahbaikan SPAB bermula pada bulan Mei 2007 setelah Kementerian menghadiri taklimat berhubung Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang dijalankan oleh pihak Kementerian Kewangan Malaysia. Kerja-kerja pengemaskinian dan penambahbaikan SPAB mengambil masa agak lama. Tempoh asal kerja-kerja pengemaskinian dan penambahbaikan SPAB sehingga 7 Julai 2007 tidak dapat dicapai dan penangguhan pelaksanaan SPAB terpaksa dilanjutkan.

Namun begitu, pelaksanaan SPAB dapat diteruskan semula dengan pengaktifan semula modul secara berperingkat bermula dengan modul harta modal (daftar dan kemaskini) pada 5 November 2007. Modul daftar dan kemaskini inventori pula diaktifkan pada 15 Jan 2008. Selain itu, modul baru senarai daftar harta modal (borang KEW.PA-4) dan senarai daftar inventori (borang KEW.PA-5) juga diperkenalkan ke dalam SPAB.

Sehingga Mac tahun 2008, SPAB masih lagi dalam proses pengemaskinian dan penambahbaikan berterusan untuk mengesan dan menyel esaikan modul-modul yang lain dan ralat-ralat yang mungkin ada dalam SPAB. Hasil kerjasama dan usaha proaktif oleh pihak Urus Setia Pengurusan Aset KKR, Cawangan Pengurusan dan Perolehan Harta, Bahagian Kewangan KKR serta para pegawai aset dan pengguna SPAB di semua bahagian/cawangan/unit di peringkat Kementerian dan Jabatan Kerja Raya membolehkan pelaksanaan SPAB dijalankan tanpa sebarang masalah besar dan kerja pengurusan aset alih Kerajaan di Kementerian dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan efisien.



# Multimedia

Pada tahun 2007, Unit Multimedia, BTMK telah berjaya

i) **Membangunkan persembahan multimedia bagi acara rasmi Kementerian Kerja Raya**

- ◆ Pelancaran Portal Kementerian Kerja Raya 2007 (5 April 2007)
- ◆ Majlis Perjumpaan Di Antara Y.B Bhg Dato KSU KKR Malaysia dengan Juruukur Bahan, Arkitek dan Jurutera Seluruh Malaysia (18 Mei 2007)
- ◆ Majlis Pelancaran Buku Blue Print Pelaksanaan Rangkaian Jalan Raya & Penghargaan Kecemerlangan Pelaksanaan Projek RMK-9 Oleh Y.B Menteri Kerja Raya (6 September 2007)
- ◆ Hari Kualiti Kementerian Kerja Raya 2007 (6 Disember 2007)
- ◆ Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri 2007 (18 Disember 2007)

ii. **Mengemaskini maklumat terkini bagi video korporat Kementerian Kerja Raya untuk Ditayangkan dalam acara rasmi Kementerian Kerja Raya**

- ◆ Lawatan Kerja Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billa Shah dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah (12 April 2007)
- ◆ Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang 2007 (26 Jun 2007)
- ◆ Majlis JasaMu Dikenang

iii. **Rakaman maklumat video dan foto bagi majlis dan acara rasmi di Kementerian Kerja Raya**

- ◆ Sepanjang 2007, terdapat 58 acara rasmi di Kementerian Kerja Raya yang telah dirakamkan dalam bentuk video dan foto.
- ◆ Maklumat rakaman dalam bentuk video akan disimpan dan labelkan mengikut tajuk majlis, tarikh dan bilangan tape yang digunakan. Manakala maklumat rakaman dalam bentuk foto akan disimpan dalam external hardisk dan di backup dalam server bagi menjamin dari kehilangan maklumat yang telah dirakamkan.
- ◆ Sebahagian maklumat rakaman dan video ini juga akan digunakan untuk pembangunan persembahan multimedia.

# Galeri Multimedia

## Hari Kualiti KKR



## Lawatan Yang Di-Pertuan Agong



## Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri



## Ceramah 'Budaya Kerja Kelas Pertama'



## Latihan/Kursus

### SENARAI KURSUS / BENGKEL / SEMINAR YANG DIANJURKAN OLEH BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI, KKR DARI BULAN JANUARI HINGGA DISEMBER 2007

BIL	NAMA KURSUS / SEMINAR / BENGKEL	TEMPAT	TARIKH
1.	Pengenalan kepada Sistem Maklumat Geografi (GIS)	Bilik Gerbang ICT, Aras 4, Blok B	Sesi A - 7 hingga 8 Mac Sesi B - 14 hingga 15 Mac
2.	MapInfo Profesional 8.5	Bilik Gerbang ICT, Aras 4, Blok B	Sesi A - 28 hingga 30 Mac Sesi B - 4 hingga 15 April
3.	Kursus Pengurusan Portal	Bilik Gerbang ICT, Aras 4, Blok B	5 - 6 Mac
4.	Bengkel Portal IT	Bilik Gerbang ICT, Aras 4, Blok B	12 -13 Mac
5.	Bengkel Portal IT	Bilik Gerbang ICT, Aras 4, Blok B	26 - 27 Mac
6.	Bengkel Portal IT	Bilik Gerbang ICT, Aras 4, Blok B	2 - 3 April
7.	Bengkel Portal IT	Bilik Gerbang ICT, Aras 4, Blok B	9 April
8.	Kursus Kemahiran Penggunaan E-Mel dan Internet KKR	Bilik Gerbang ICT, Aras 4, Blok B	16 April
9.	Kursus Microsoft Visual Basic & MapInfo MapX	Bilik Gerbang ICT, Aras 4, Blok B	9 - 11 Mei
10.	Kursus Microsoft.NET & MapInfo MapXtreme	Bilik Gerbang ICT, Aras 4, Blok B	16 - 18 Mei
11.	Bengkel Pelaksanaan Portal KKR	Bilik Gerbang ICT, Aras 6, Blok A	29 Mei

## Latihan/Kursus


BIL	NAMA KURSUS / SEMINAR / BENGKEL	TEMPAT	TARIKH
12.	Kursus Microsoft Windows Server 2003	Bilik Gerbang ICT, Aras 4, Blok B	28 - 30 Mei
13.	Kursus Autodesk Map 3D	Bilik Gerbang ICT, Aras 4, Blok B	18 - 20 Jun
14.	Kursus Ms Office Asas Words , Excel & Power Point	Bilik Gerbang ICT, Aras 4, Blok B	13 Julai, 16 - 17 Julai
15.	Kursus Teknikal Portal	Bilik Gerbang ICT, Aras 4, Blok B	31 Julai
16.	Kursus Teknikal Portal	Bilik Gerbang ICT, Aras 4, Blok B	2 Ogos
17.	Kursus Emel/Internet	Bilik Gerbang ICT, Aras 4, Blok B	8 Ogos
18.	Kursus Teknikal Portal	Bilik Gerbang ICT, Aras 4, Blok B	9 Ogos
19.	Kursus Ms Office Asas Words , Excel & Power Point	Bilik Gerbang ICT, Aras 4, Blok B	13 - 15 Ogos
20.	Kursus Ms Office Asas Words , Excel & Power Point	Bilik Gerbang ICT, Aras 4, Blok B	17 - 19 September
21.	Kursus Emel/Internet	Bilik Gerbang ICT, Aras 4, Blok B	24 September
22.	Kursus Ms Office Asas Words , Excel & Power Point	Bilik Gerbang ICT, Aras 6, Blok A	1 - 10 Oktober
23.	Kursus Emel/Internet	Bilik Gerbang ICT, Aras 4, Blok B	4 Oktober
24.	Kursus Emel/Internet	Bilik Gerbang ICT, Aras 4, Blok B	7 November
25.	Kursus Ms Office Asas Words , Excel & Power Point	Bilik Gerbang ICT, Aras 4, Blok B	12 - 14 November
26.	PC Maintenance	Bilik Gerbang ICT, Aras 4, Blok B	17 - 18 Disember
27.	Microsoft Access Asas	Bilik Gerbang ICT, Aras 4, Blok B	26 Disember

# Program Fikir

## SENARAI PROGRAM FIKIR DARI BULAN JANUARI HINGGA DISEMBER 2007

BIL	TAJUK	TEMPAT	TARIKH
1.	Ceramah %Pengurusan Kewangan Peribadi+	Bilik Mesyuarat Melati, Tingkat 6, Blok B, Kompleks Kerja Raya, Kuala Lumpur .	17 Febuari
2.	Sesi <i>Technology Update</i> - Demonstrasi OKI Printer untuk Program Fikir BTMK	Bilik Gerbang ICT, Bhgn Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Tingkat 4, Blok B, KKR	25 April
3.	Jemputan Menghadiri Sesi <i>Technology Update</i> oleh HP Malaysia	Bilik Gerbang ICT, Bhgn Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Tingkat 4, Blok B, KKR	29 Jun
4.	Jemputan untuk menghadiri Program Fikir - Wang dan Anda Satu Pendekatan Kepada Pengurusan Kewangan Peribadi	Bilik Mesyuarat Melati, Tingkat 6, Blok B, Kompleks Kerja Raya, Kuala Lumpur.	1 Ogos
5.	Jemputan untuk menghadiri Program Fikir . Pengenalan kepada Pembangunan Aplikasi <i>Rich Internet Application (RIA)</i> menggunakan Teknologi <i>Adobe Flex</i>	Bilik Gerbang ICT, Bhgn Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Tingkat 4, Blok B, KKR	23 Oktober

# Program Fikir



# Hari Keluarga

Hari Keluarga BTMK telah diadakan pada 8 hingga 9 Disember 2007 bertempat di Kayns Resort, Port Dickson Negeri Sembilan. Seramai lebih kurang 70 orang pegawai dan kakitangan serta ahli keluarga BTMK telah menghadiri Hari Keluarga tersebut.

Tujuan utama Hari Keluarga ini diadakan adalah untuk mengeratkan silaturahim antara keluarga kakitangan BTMK disamping dapat mengenali ahli keluarga kakitangan BTMK.

Pelbagai program telah diatur sepanjang 2 hari di Port Dickson. Di antara program yang telah dijalankan adalah seperti cabutan bertuah, sukaneka, makan malam BBQ dan juga perlawanan bola tampar pantai.



# Hari Keluarga





# PERJAWATAN DAN PENGIKTIRAFAN



- ◆ Kakitangan BTMK 2007
- ◆ Maklumat Kakitangan
- ◆ Pegawai-Pegawai Yang Ditukarkan / Lantikan Baru BTMK
- ◆ Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2007
- ◆ Anugerah Inovasi ICT 2007

# KAKITANGAN


## BTM 2007



**En. Mat Naain b Mat Jusoh**  
Setiausaha Bahagian F54




**En. Azlin Shah b Ihsan**  
Ketua Penolong Setiausaha F52  
Seksyen Operasi




**Pn. Atikah bt Yusof**  
Ketua Penolong Setiausaha F48  
Seksyen Pembangunan




**Pn. Nor Haizam bt Che Azhar**  
Penolong Setiausaha F44  
(Portal)




**En. Zul Qais b Shahabuddin**  
Penolong Setiausaha F41  
(Rangkaian)



**En. Tan Chai Lan**  
Penolong Setiausaha F41  
(Aplikasi)




**Pn. Selasih bt Awang**  
Penolong Setiausaha F41  
(Rangkaian )



**Pn. Shaharmilah Baniface**  
Penolong Setiausaha F41  
(Multimedia)



**Pn. Jayaletchumi T.S. Moorthy**  
Penolong Setiausaha F41  
(Rangkaian)




**Pn. Raja Azizah bt Raja Shariffuddin**  
**Penolong Pegawai Teknologi Maklumat**  
**PPTM F32**  
**(Portal)**

**En. Azizan b Abdullah**  
**PPTM F29**  
**(Rangkaian)**

**Cik Hairunnissak bt Mohamad Runi**  
**PPTM F29**  
**(Aplikasi)**

**En. Ahmad Tarmizi b Idris**  
**PPTM F29**  
**(GIS KKR)**






**Cik. Nor Zarina bt Mohd Safian**  
**PPTM F29**  
**(Multimedia)**

**En. Abdul Hadi B Zainal Abidin**  
**Juruteknik Komputer FT17**

**Pn. Nor Zihan bt Harun**  
**Juruteknik Komputer FT17**

**En. Muhamad Azizul b**  
**Muhamad Rani**  
**Juruteknik Komputer FT17**







**En. Zul Aizat b Tarmizi**  
**Juruteknik Komputer FT17**

**Cik Azurin bt Malek**  
**Pembantu Tadbir (Kes) N17**

**Cik Nor Ilana bt Mior Shamsuddin**  
**Pembantu Tadbir (P/O) N17**

**Pn. Halipah bt Abd Hamid**  
**Pembantu Tadbir (P/O)**  
**N17**



**Pn. Norizam bt Ab. Rahim**  
**Operator Mesin Prosesan Data**  
**F11**

**Pn. Ramlah bt Harun**  
**Operator Mesin Prosesan Data**  
**F11**

**Pn. Salbiah bt Saari**  
**Operator Mesin Prosesan Data**  
**F11**

**En. Ibrahim b Mohammad Nasib**  
**Pembantu Am Pejabat N1**

# MAKLUMAT KAKITANGAN

BIL	NAMA	E-MEL	GELARAN JAWATAN	SAMB.
1.	Mat Naain B Mat Jusoh	naain@kkr.gov.my	SUB(TM)	4521
2.	Atikah bt. Yusof	Atikah@kkr.gov.my	KPSU(TM) 1	4500
3.	Azlin Shah b Ihsan	azlinshah@kkr.gov.my	KPSU(TM) 2	4507
4.	Nor Haizam bt Che Azhar	Nhaizam@kkr.gov.my	PSU(TM) 1	4510
5.	Zul Qais b Shahabuddin	zulqais@kkr.gov.my	PSU(TM) 2	4501
6.	Tan Chai Lan	ChaiLan@kkr.gov.my	PSU(TM) 3	4508
7.	Selasiah bt Awang	Selasiah@kkr.gov.my	PSU(TM) 4	4511
8.	Shaharmilah Tharsini Baniface	shaharmilah@kkr.gov.my	PSU(TM) 5	4509
9.	Jayaletchumi T.S.Moorthy	jayaletchumi@kkr.gov.my	PSU(TM) 6	4504
10.	Raja Azizah bt. Raja Shariffudin	rajaazizah@kkr.gov.my	PPTM(K)	4523
11.	Azizan b Abdullah	azizan@kkr.gov.my	PPTM 1	4512
12.	Hairunnisak bt Mohamad Rani	hairunnisak@kkr.gov.my	PPTM 2	4515
13.	Ahmad Tarmizi b Idris	AhmadTarmizi@kkr.gov.my	PPTM 3	4950
14.	Nor Zarina bt Mohd Safian	Nzarina@kkr.gov.my	PPTM 4	4516
15.	Abdul Hadi b Zainal Abidin	abdhadiz@kkr.gov.my	JTK 1	4502
16.	Nor Zihan bt Harun	norzihan@kkr.gov.my	JTK 2	4514
17.	Muhamad Azizul b Muhamad Rani	AzizulMR@kkr.gov.my	JTK 3	4502
18.	Zul Aizat b Tarmizi	Zul aizat@kkr.gov.my	JTK 4	4514
19.	Azurin bt Malek	azurin@kkr.gov.my	PA	4522
20.	Nor Ilyana bt Mior Shamsuddin	norilyana@kkr.gov.my	PT 1	4506
21.	Halipah bt Abd Hamid	halipahAH@kkr.gov.my	PT 2	4506
22.	Norizam bt Ab. Rahim	Norizam@kkr.gov.my	OMPD 1	4505
23.	Ramlah bt Harun	RamlahH@kkr.gov.my	OMPD 2	4518
24.	Salbiah bt Saari	Salbiah@kkr.gov.my	OMPD 3	4518
25.	Ibrahim b Mohammad Nasib	ibrahim@kkr.gov.my	PAP	4505

# PEGAWAI YANG DITUKARKAN/LANTIKAN BARU KE BTMK

BIL	NAMA PEGAWAI	JAWATAN/GRED	TARIKH
1.	Mat Naain b Mat Jusoh	Pegawai Teknologi Maklumat (F54)	22/01/07
2.	Azlin Shah b Ihsan	Pegawai Teknologi Maklumat (F52)	18/06/07
3.	Jayaletchumi T.S.Moorthy	Pegawai Teknologi Maklumat (F41)	21/11/07
4.	Zul Qais b Shahabuddin	Pegawai Teknologi Maklumat (F41)	27/09/07
5.	Raja Azizah bt Raja Shariffudin	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (F32)	1/06/07
6.	Azizan b Abdullah	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (F29)	25/11/07
7.	Hairunnisak bt Mohamad Rani	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (F29)	25/11/07
8.	Nor Zihan bt Harun	Juruteknik Komputer (FT17)	22/11/07
9.	Azurin bt Malek	Pembantu Tadbir (N17)	30/04/07
10	Halipah bt Abd. Hamid	Pembantu Tadbir (N17)	27/07/07
11.	Nor Ilyana bt Mior Shamsuddin	Pembantu Tadbir (N17)	28/08/07

# PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

## 2007

BIL	NAMA PEGAWAI	JAWATAN/GRED	GELARAN
1.	Ahmad Tarmizi b Idris	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (F29)	PPTM 3
2.	Abdul Hadi b Zainal Abidin	Juruteknik Komputer (FT17)	JTK 1

## 2006

BIL	NAMA PEGAWAI	JAWATAN/GRED	GELARAN
1.	Atikah bt. Yusof	Pegawai Teknologi Maklumat (F48)	KPSU(TM) 1
2.	Tan Chai Lan	Pegawai Teknologi Maklumat (F41)	PSU(TM) 3

# ANUGERAH INOVASI ICT (VIDEO KORPORAT TERBAIK) 2007



**TEMPAT KETIGA**

**BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI**

# *Penghargaan*

Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK) mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan sumbangan maklumat bagi menjayakan penerbitan Laporan Tahunan 2007 ini.

